

# Syariah (930)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada tahun ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 2041 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 76.43%, meningkat sebanyak 2.46% berbanding dengan tahun 2011.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	8.13	9.31	9.41	12.79	13.28	13.03	10.48	8.19	7.34	3.14	4.90

## RESPONS CALON

### Kertas 930/1 (FIKAH DAN USUL FIKAH)

#### *Komen am*

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon pada tahun ini adalah baik. Kebanyakan calon membuat perancangan yang teliti sebelum menjawab soalan. Kelemahan utama calon dalam menjawab soalan ialah mereka tidak dapat mengemukakan dalil/nas yang lengkap bagi soalan yang memerlukan dalil sama ada nas al-Quran atau hadis. Selain itu, kebanyakan calon juga lemah dalam membuat penilaian hukum dan mengemukakan alasan bagi soalan yang memerlukan penentuan hukum. Kelemahan ini berpunca daripada kelemahan calon menguasai konsep bagi sesuatu isu yang dikemukakan.

#### *Komen soalan demi soalan*

#### **BAHAGIAN A: Fikah**

#### **Soalan 1**

Soalan (a)(i) menghendaki calon menerangkan konsep *gadaian* dari segi pengertian dan dalil. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (a)(ii) menghendaki calon menghuraikan **tiga** perkara yang membatalkan akad gadaian. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka dapat mengemukakan **tiga** perkara yang membatalkan akad gadaian, seperti menyerahkan semula barang yang digadai kepada penggadai, barang gadaian disewa, dihibah atau disedekahkan, penggadai atau pemegang gadaian meninggal dunia, barang yang digadai rosak atau hilang, penggadai membayar semua hutang dan lain-lain. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan hukum dan alasan bagi kes gadaian seperti yang berikut:

- (i) Barang yang digadai hilang daripada jagaan pemegang gadaian kerana rumahnya dilanda banjir besar.
- (ii) Penggadai menggadaikan barang kemas yang diperolehi daripada hasil rompakan.
- (iii) Penjaga telah menggadaikan harta yang dimiliki oleh kanak-kanak di bawah jagaannya bagi tujuan menampung perbelanjaan persekolahan kanak-kanak tersebut.
- (iv) Penggadai berkata "Saya gadaikan rantai tangan ini", lalu pemegang gadaian mengambil rantai tangan itu tanpa menjawab akad tersebut.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

## Soalan 2

Soalan (a)(i) menghendaki calon menerangkan konsep *wakaf* dari segi pengertian dan dalil. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang dikehendaki ialah menahan sesuatu harta tertentu yang harus untuk dimanfaatkan pada jalan kebajikan bagi tujuan mendekati diri kepada Allah. Soalan (a)(ii) menghendaki calon menjelaskan **empat** syarat harta yang hendak diwakafkan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang dikehendaki ialah harta yang berkekalan, harta yang diharuskan oleh syarak, harta yang bermanfaat, harta yang boleh dipindah milik, harta yang maklum, harta milik pewakaf, dan lain-lain. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan pernyataan “*harta wakaf dapat meningkatkan taraf ekonomi masyarakat dan meringankan beban kerajaan dalam menyediakan prasarana sosial*” berserta contoh-contoh yang sesuai. Soalan ini agak terbuka dan memerlukan kemahiran berfikir calon dan pembacaan yang luas. Kebanyakan calon dapat menjelaskan pernyataan ini dengan baik. Jawapan yang dikehendaki ialah wakaf tanah perladangan dapat membantu golongan yang memerlukannya untuk mendapat sumber rezeki, wakaf tanah untuk dibuat masjid dapat meringankan beban kerajaan untuk menyediakan tempat ibadat, wakaf tanah untuk mendirikan hospital dapat menyediakan kemudahan prasarana tanpa menggunakan perbelanjaan kerajaan, mewakafkan tanah untuk dibuat sekolah dapat meringankan beban perbelanjaan kerajaan untuk menyediakan prasarana pendidikan.

## Soalan 3

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan **lima** ciri yang perlu ada pada calon isteri menurut pandangan Islam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka berjaya menyatakan kelima-lima ciri yang perlu ada pada calon isteri menurut pandangan Islam, iaitu kuat pegangan agama, berketurunan baik, wanita yang ramai keturunan, bukan kerabat yang dekat supaya anak yang bakal lahir nanti tidak bodoh, perempuan yang masih gadis, cantik bagi menyedapkan mata memandang, dan sekufu, iaitu sama taraf bagi memudahkan pergaulan. Soalan (b) menghendaki calon mengemukakan dalil dan menjelaskan **empat** keadaan yang mewajibkan suami membayar sepenuhnya mas kahwin kepada isterinya. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka gagal mengemukakan dalil tentang kewajipan membayar mas kahwin. Ada sebahagian calon hanya berjaya menjelaskan satu atau dua keadaan sahaja yang mewajibkan suami membayar penuh mas kahwin kepada isterinya, iaitu apabila berlaku persetubuhan dan kematian salah seorang pasangan. Jawapan sepatutnya ialah **empat** keadaan yang mewajibkan suami membayar penuh mas kahwin kepada isterinya ialah berlaku persetubuhan antara suami dengan isteri, berlaku kematian salah seorang suami atau isteri, berkhawatir antara suami isteri di suatu tempat yang memungkinkan berlaku persetubuhan, dan bersekedudukan suami isteri selama setahun di rumah suami.

## Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan konsep *nusyuz* dari segi pengertian dan hukum, serta memberikan **tiga** contoh nusyuz. Hampir semua calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Dari segi hukum nusyuz, kebanyakan calon dapat menyatakan hukum nusyuz, iaitu haram atau berdosa. **Tiga** contoh *nusyuz* pula ialah isteri keluar rumah tanpa izin suami, isteri tidak mahu bersetubuh dengan suami tanpa sebarang keuzuran, isteri bermasam muka dengan suami tanpa sebarang sebab yang munasabah, isteri bermusafir tanpa izin suami, dan sebagainya. Soalan (b) menghendaki calon mengemukakan dalil dan menghuraikan **tiga** langkah bagi suami menangani isteri yang nusyuz. Hampir semua calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka berjaya mengemukakan **tiga** langkah bagi menangani isteri yang nusyuz walaupun tidak mengikut turutan (tertib). Tiga langkah bagi menangani isteri yang nusyuz ialah nasihat, mengasingkan tempat tidur, dan pukul.

### Soalan 5

Soalan (a)(i) menghendaki calon mengemukakan dalil pengharaman liwat, menjelaskan pengertian liwat, dan memberikan **dua** hikmah pengharamannya. Kebanyakan calon hanya dapat menyatakan pengertian liwat dan dua hikmah pengharaman liwat sahaja. Hampir semua calon tidak dapat mengemukakan dalil tentang pengharaman liwat sama ada dalil al-Quran atau al-Sunnah. Soalan (a)(ii) menghendaki calon menjelaskan pendapat ulama tentang hukuman bagi orang yang melakukan perbuatan liwat. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka tidak dapat mengemukakan pandangan ulama tentang hukuman ke atas peliwat tetapi hanya menyatakan satu pandangan sahaja, iaitu dikenakan had zina. Di samping itu, terdapat sebahagian calon yang tidak memahami kehendak soalan. Mereka menyatakan hukum liwat adalah haram dan berdosa besar. Jawapan yang sepatutnya ialah calon hendaklah menyatakan kepelbagaian pandangan ulama tentang hukuman ke atas peliwat iaitu:

- (i) Jumhur ulama – dikenakan hukuman had sama seperti zina, iaitu 100 sebatan ke atas *ghayr muhsan* dan rejam sampai mati ke atas *muhsan*.
- (ii) Abu Hanifah dan mazhab al-Zahiri – dikenakan hukuman takzir kerana ia tidak sama dengan zina.
- (iii) Mazhab Maliki dan satu pendapat daripada Imam Ahmad – direjam sampai mati sama ada lelaki atau perempuan, *muhsan* atau *ghayr muhsan*.

Soalan (b) menghendaki calon membincangkan peruntukan seksyen 25, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559) mampu menangani perbuatan liwat dalam masyarakat kini. Soalan ini memerlukan calon memahami konsep liwat dan menghubungkan kaitkannya dengan peruntukan undang-undang. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan mereka tidak menepati kehendak soalan kerana mereka hanya menyatakan hukuman bagi jenayah liwat tanpa menghubungkan kait dengan kemampuan undang-undang dalam menangani perbuatan liwat yang berlaku dalam kalangan masyarakat kini. Jawapan yang sepatutnya ialah calon hendaklah menyatakan peruntukan undang-undang berkenaan mampu atau tidak mampu menangani perbuatan liwat dalam kalangan masyarakat kini. Sekiranya calon menyatakan bahawa peruntukan berkenaan tidak mampu menangani perbuatan liwat maka jawapan tersebut hendaklah disertakan dengan alasan. Antara alasannya ialah denda yang dikenakan tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan, pelaksanaan hukuman tidak mendatangkan keinsafan kepada penjenayah dan masyarakat, hukuman yang dikenakan tidak menepati kehendak hukuman yang ditetapkan oleh undang-undang jenayah Islam, dan penguatkuasaan undang-undang yang lemah.

### Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan kadar bahagian ibu, suami, anak perempuan, dan saudara lelaki seibu dalam pembahagian harta pusaka menurut undang-undang Islam. Sebahagian calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun begitu, sebahagian yang lain tidak dapat menjawabnya dengan baik dan menyimpang daripada kehendak soalan. Mereka menyelesaikan pembahagian harta pusaka kepada waris-waris berkenaan tanpa menghuraikannya atau menyatakan alasan bagi setiap waris. Contohnya, ibu mendapat  $\frac{1}{6}$ , suami mendapat  $\frac{1}{4}$ , anak perempuan mendapat  $\frac{1}{2}$ , dan saudara lelaki seibu terhibab. Sedangkan jawapan yang sepatutnya, calon menghuraikan kedudukan setiap waris yang dinyatakan dengan menyatakan kadar yang selayaknya mereka terima daripada pembahagian harta pusaka. Jawapan yang diberikan hendaklah disertakan dengan alasan dan sebab setiap waris berkenaan mendapat kadar yang sedemikian. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Waris	Kadar Bahagian	Alasan
Ibu	1/3	Jika si mati tidak ada anak @ tidak berbilang saudara
	1/6	Jika si mati ada anak @ berbilang saudara
	1/3 baki	Dalam kes 'umariyyatain
Suami	1/2	Jika si mati tiada anak keturunan
	1/4	Jika si mati ada anak keturunan
Anak perempuan	1/2	Jika seorang @ tunggal
	2/3	Jika dua orang @ ramai
	Asabah	Jika ada bersama anak lelaki
Saudara lelaki seibu	1/6	Jika seorang
	1/3	Jika dua orang @ ramai
	Terhijab	Jika si mati ada anak sama ada lelaki @ perempuan dan seterusnya ke bawah, bapa, datuk, dan seterusnya ke atas

Soalan (b) menghendaki calon menyelesaikan kes pusaka iaitu:

- (i) Seorang wanita meninggal dunia dengan meninggalkan ibu, dua orang anak perempuan, dan seorang saudara perempuan seibu sebapa.
- (ii) Seorang lelaki meninggal dunia dan meninggalkan tiga orang isteri, tiga orang anak lelaki, bapa, dan ibu.

Sebahagian calon dapat menjawab kedua-dua kes berkenaan dengan baik. Namun demikian, terdapat sebahagian mereka tidak dapat menyelesaikan kedua-dua kes dengan baik. Mereka tidak dapat menentukan bahagian-bahagian yang akan diterima oleh setiap waris dengan tepat berserta asal masalah. Selain itu, terdapat juga calon yang menjawab soalan ini dalam bentuk karangan. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

(i)

Waris	Fardu	Asal Masalah	Saham
Ibu	1/6	6	1
2 anak perempuan	2/3		4
Seorang saudara perempuan seibu sebapa	Asabah		1
<b>Jumlah</b>			4

(ii)

Waris	Fardu	Asal Masalah	Saham
3 isteri	1/8	24	3
3 anak lelaki	Asabah		13
Bapa	1/6		4
Ibu	1/6		4
<b>Jumlah</b>			24

## BAHAGIAN B: Usul Fikah

### Soalan 7

Soalan (a)(i) menghendaki calon mengemukakan contoh dan huraian pengertian *al-mahkum fih*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan mereka menyimpang daripada kehendak soalan. Mereka menyatakan *al-mahkum fih* ialah mukallaf yang dibebani oleh hukum syarak, sedangkan jawapan yang sepatutnya ialah *mahkum fih* merupakan perbuatan mukallaf yang berkaitan dengan hukum syarak. Contohnya, hukum syarak yang berkaitan dengan *ijab*, maka perbuatan itu dinamakan perbuatan wajib seperti wajib sembahyang dan puasa. Soalan (a)(ii) menghendaki calon menjelaskan *al-mahkum fih* dalam hukum *taklifi* dan *al-mahkum fih* dalam hukum *wad'ie*. Hampir semua calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka menyatakan maksud hukum *taklifi* dan hukum *wad'ie* tanpa menghubungkannya dengan *al-mahkum fih*. Jawapan yang sepatutnya ialah *al-mahkum fih* dalam hukum *taklifi* hanya terbatas kepada perbuatan mukallaf semenjak awal lagi, sama ada wajib, haram, sunat, harus, atau makruh. Bagi *al-mahkum fih* dalam hukum *wad'ie* pula kadang kala ia perbuatan mukallaf, seperti bentuk-bentuk akad dan kadang kala bukan perbuatan mukallaf tetapi kesannya membawa perbuatan mukallaf, seperti gelincir matahari walaupun ia bukan perbuatan mukallaf tetapi menjadi sebab kepada wajibnya solat zohor kepada mukallaf. Soalan (b) menghendaki calon mengemukakan dalil dan menghuraikan dua syarat *al-mahkum fih*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka tidak memahami kehendak soalan kerana jawapan mereka tertumpu kepada syarat mukallaf, seperti Islam, baligh, dan sebagainya. Mereka juga tidak dapat mengemukakan dalil berhubung dengan syarat berkenaan. Jawapan yang sepatutnya ialah **dua** syarat bagi *al-mahkum fih* ialah perbuatan itu diketahui oleh setiap mukallaf dan perbuatan itu hendaklah mampu dilaksanakan oleh seseorang mukallaf.

### Soalan 8

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan perbezaan antara Hadis *Mutawatir* dengan Hadis *Ahad* dari segi pengertian dan hukum beramal dengan kedua-dua hadis tersebut. Kebanyakan calon hanya dapat menyatakan perbezaan antara Hadis *Mutawatir* dengan Hadis *Ahad* dari segi pengertian sahaja. Namun begitu, kebanyakan calon tidak dapat menyatakan perbezaan dari segi hukum beramal dengan kedua-dua hadis tersebut dan mengemukakan alasannya. Ada dalam kalangan mereka menyatakan hukum beramal dengan hadis *Mutawatir* adalah harus atau boleh dibuat hujah dan tidak boleh beramal dengan hadis *Ahad*. Jawapan yang sepatutnya ialah, hukum beramal dengan hadis *Mutawatir* adalah wajib kerana ia sabit daripada Rasulullah S.A.W secara yakin atau *qat'ie* dan mengingkarinya adalah murtad. Hukum beramal dengan hadis *Ahad* adalah wajib atau harus dalam masalah hukum *furu'* tetapi tidak wajib dalam masalah akidah atau iktikad kerana ia sabit secara *zanni* dan tidak murtad bagi mereka yang mengingkarinya. Soalan (b) menghendaki calon menyatakan pandangannya tentang pernyataan “wujud golongan yang menolak al-Sunnah sebagai sumber perundangan Islam” dan mengemukakan **empat** hujah bagi menolak pandangan dalam pernyataan berkenaan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka dapat menyatakan empat hujah bagi menolak pendapat yang tidak menerima al-Sunnah sebagai sumber hukum.

### Soalan 9

Soalan (a)(i) menghendaki calon menerangkan konsep *nasakh* dari segi pengertian dan dalil. Kebanyakan calon dapat menerangkan pengertian *nasakh*, iaitu menghilangkan atau menghapuskan hukum syarak yang lama dengan hukum syarak yang baru disebabkan terdapat dalil syarak yang mengubahnya. Dalil *nasakh* ialah firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 106:

مَا نَنْسَخْ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُنسِهَا نَأْتِ بِخَيْرٍ مِّنْهَا أَوْ مِثْلَهَا

Soalan (a)(ii) menghendaki calon menjelaskan **tiga** hikmat *nasakh*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini. Antara jawapan calon yang tidak menepati kehendak soalan tentang hikmat *nasakh* adalah seperti memudahkan para mujtahid mengeluarkan hukum semasa untuk manusia, menjadi panduan kepada manusia dan para ulama dalam mentaati perintah Allah, memudahkan muamalat, munakahat, dan sebagainya. Jawapan yang sepatutnya ialah, **tiga** hikmat *nasakh* adalah menjaga dan memenuhi kemaslahatan manusia kerana kadang-kadang kemaslahatan berubah mengikut keadaan dan masa, menolak kesulitan yang timbul daripada hukum asal yang *dinasakhkan*, mencerminkan prinsip Islam yang tidak membebankan dan menyusahkan umatnya, mengemas kini hukum syarak dan mengembangkan perundangan Islam, sesuai dengan sifat manusia yang lemah agar mereka lebih mudah memahami syariat Islam yang diturunkan, dan memberi peluang kepada manusia untuk meninggalkan sesuatu perkara yang telah menjadi adat dan budaya dengan beransur-ansur. Soalan (b) menghendaki calon membincangkan pandangan ulama tentang *nasakh* al-Quran dengan hadis. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan mereka lebih tertumpu kepada satu pandangan ulama sahaja dan tidak membahaskan kepelbagaian pandangan ulama. Kebanyakan jawapan mereka menyatakan bahawa harus atau boleh al-Quran *dinasakhkan* oleh hadis tanpa menyatakan alasan atau hujah ulama yang berpandangan sedemikian. Jawapan yang sepatutnya ialah, ulama berbeza pendapat tentang keharusan *nasakh* al-Quran dengan hadis seperti berikut:

- (i) Jumhur ulama – harus al-Quran *dinasakhkan* dengan hadis *mutawatir* kerana dikira setaraf dari segi kekuatan.
- (ii) Ulama Hanafi – harus al-Quran *dinasakhkan* dengan hadis *mutawatir* dan hadis masyhur kerana kedua-duanya dikira setaraf dengan al-Quran dari segi kekuatan.
- (iii) Imam Shafi'i dan sebahagian ulama lain – tidak harus *dinasakhkan* al-Quran dengan hadis, al-Quran hanya boleh *dinasakhkan* dengan al-Quran.

### Soalan 10

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan kaedah fiqh bagi dalil yang dinyatakan dan menghuraikan **lima** sebab diberikan keringanan oleh syarak kepada seseorang. Dalil yang dinyatakan oleh soalan bagi calon menentukan kaedah yang terbit daripada dalil berkenaan, ialah firman Allah S.W.T. dalam surah al-Baqarah ayat 185:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun begitu, ada sebahagian calon tidak dapat menyatakan kaedah yang terbit daripada dalil yang diberikan dan ada yang menyatakan kaedah yang terbit daripada dalil berkenaan ialah darurat mengharuskan yang ditegah. Jawapan yang sepatutnya ialah *المَشَقَّةُ تَجَلِبُ التَّيْسِيرُ* atau kesukaran membawa kemudahan. Begitu juga, kebanyakan calon dapat menghuraikan lima sebab diberikan keringanan oleh syarak. Namun demikian, ada segelintir calon yang keliru antara sebab diberikan keringanan dengan bentuk keringanan atau bahagian keringanan, seperti keringanan didahulukan, keringanan dikemudiankan, keringanan digugurkan, dan sebagainya. Ada juga calon yang memberikan jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan, seperti keringanan dapat memudahkan seseorang menunaikan perintah Allah, menunjukkan keindahan Islam, menunjukkan Allah mengasihi hamba-Nya, ingin menarik orang bukan Islam masuk Islam, menunjukkan bahawa Islam itu tidak menyusahkan, dan sebagainya. Jawapan yang sepatutnya ialah, lima sebab diberikan keringanan oleh syarak:

- (i) Kekurangan seperti orang gila, kanak-kanak, dan orang yang tidur.
- (ii) Jahil – boleh memfasakhkan perkahwinan disebabkan keaiban yang tersembunyi.
- (iii) Sakit – dibolehkan tayammum bagi menggantikan wuduk.

- (iv) Musafir – dibolehkan berbuka puasa.
- (v) Terlupa – tidak batal puasa bagi yang termakan atau terminum pada siang hari bulan Ramadan.
- (vi) Dipaksa – dibolehkan melafazkan perkataan kufur disebabkan ancaman kepada nyawa.
- (vii) Umum balwa – sah solat jika kain yang dipakai ketika solat terkena percikan air di jalanan.
- (viii) Terpaksa @ darurat – diharuskan makan bangkai ketika terpaksa atau darurat.

Soalan (b) menghendaki calon menyatakan hukum dan kaedah fiqh bagi permasalahan yang berikut:

- (i) Seorang wanita yang kematian suami dan masih lagi dalam idah terpaksa keluar bekerja bagi menyara diri dan keluarganya.
- (ii) Kerajaan bertindak memindahkan perkuburan Islam untuk membina empangan hidroelektrik.
- (iii) Seseorang dalam keadaan kebuluran telah memakan bangkai secara berlebihan.
- (iv) Seseorang dipaksa untuk membunuh dan dia melakukan perbuatan itu demi menyelamatkan dirinya.

Kebanyakan calon dapat menyatakan hukum bagi permasalahan yang dinyatakan tetapi tidak dapat menyatakan kaedah fiqh bagi permasalahan berkenaan. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Harus bagi seorang wanita yang kematian suami dan masih lagi dalam idah terpaksa keluar bekerja bagi menyara diri dan keluarganya berdasarkan kaedah:  
المَشَقَّةُ تَجْلِبُ التَّيْسِيرُ atau الضرورات تبيح المحظورات إِذَا صَاقَ الأَمْرُ اتَّسَعَ
- (ii) Harus bagi kerajaan bertindak memindahkan perkuburan Islam untuk membina empangan hidroelektrik berdasarkan kaedah:  
الحاجة تنزل منزلة الضرورة atau المَشَقَّةُ تَجْلِبُ التَّيْسِيرُ atau الضرورات تبيح المحظورات
- (iii) Haram bagi seseorang dalam keadaan kebuluran memakan bangkai secara berlebihan berdasarkan kaedah:  
ما أبيع للضرورة يقدر بقدرها atau الضرورات تقدر بقدرها
- (iv) Haram bagi seseorang dipaksa untuk membunuh dan dia melakukan perbuatan itu demi menyelamatkan dirinya berdasarkan kaedah:  
لا ضرر ولا ضرار الضر لا يزال بالضرر atau الاضرار لا يبطل حق الغير

### **Kertas 930/2 (Ayat Ahkam dan Hadis Ahkam)**

#### **Komen am**

Pada umumnya, peratusan calon yang lulus penuh pada tahun ini menurun sebanyak 0.93% berbanding dengan peratusan calon yang lulus penuh pada tahun lepas. Kelemahan calon adalah dari segi menganalisis isu-isu semasa yang terdapat dalam soalan, tidak mampu menjelaskan sebab nuzul ayat, tidak menguasai dan memahami teks dengan baik, tidak dapat mengemukakan dalil nas apabila dikehendaki, tidak mempunyai perancangan dan perhatian kepada kehendak soalan, memberikan jawapan yang menyimpang daripada yang sepatutnya, dan memberikan fakta yang tidak tepat. Untuk memperoleh markah yang baik, calon sepatutnya membuat perancangan jawapan yang rapi, mampu membuat penghujahan dan analisis yang mendalam terhadap sesuatu isu yang dikemukakan, dan memahami kehendak soalan dengan baik.

## **Komen soalan demi soalan**

### **BAHAGIAN A: AYAT AHKAM**

#### **Soalan 1**

Soalan (a)(i) menghendaki calon menerangkan maksud *ثلث عورت لكم*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (ii) menghendaki calon menjelaskan hukum meminta izin untuk memasuki bilik ibu bapa bagi kanak-kanak yang belum baligh dan yang telah baligh. Kebanyakan calon tidak mendapat markah penuh kerana hanya menyatakan hukum wajib sahaja tanpa menyatakan waktu sepatutnya meminta izin. Ada juga sebahagian calon yang tidak mengikut kaedah hukum fekah yang sepatutnya, iaitu hukum wajib, tetapi calon menggunakan istilah mesti atau perlu. Soalan (b) menghendaki calon membincangkan tatacara berpakaian bagi wanita yang lanjut umur yang dikehendaki oleh Islam. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan calon ialah boleh menampakkan rambut dan boleh mendedahkan aurat. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah dibenarkan menanggalkan pakaian luar, tidak menampakkan perhiasan yang sepatutnya disembunyikan/tabarruj/ketat, lebih baik menutup aurat dengan sempurna, dan sebagainya.

#### **Soalan 2**

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan lima suruhan Allah kepada orang mukmin dalam aspek sosial. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan calon ialah tawakal, menginfakkan harta, mendirikan solat, meninggalkan dosa-dosa besar, dan sebagainya. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan maksud dosa dan cara bertaubat yang diterima oleh Allah SWT. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan calon ialah memohon keampunan Allah, insaf/menyesal, berazam untuk tidak mengulangi maksiat, dan melakukan solat taubat.

#### **Soalan 3**

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan maksud talak *sunni* dan empat tatacara perceraian dalam Islam. Bagi maksud talak *sunni*, ramai calon yang tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah talak mengikut sunnah nabi, bukan talak tiga sekali gus dan sebagainya sedangkan jawapan yang sepatutnya ialah talak dalam keadaan suci, belum disetubuhi, dan bukan mengandung. Bagi empat tatacara perceraian dalam Islam, kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberi ialah cerai pada masa diharuskan dengan kiraan idah, jangan menghalau isteri yang diceraikan keluar dari rumah kecuali isteri curang dan isteri tidak keluar meninggalkan rumah suami. Soalan (b) menghendaki calon membincangkan sifat takwa yang dapat menjamin keharmonian rumah tangga. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang dikehendaki ialah melahirkan sifat sabar, sentiasa berkasih sayang, menunaikan tanggungjawab kepada Allah dan keluarga, dan persefahaman antara suami isteri.

#### **Soalan 4**

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan lima mesej ayat. Kebanyakan calon gagal menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan calon ialah membazir tenaga dan masa. Jawapan yang sepatutnya ialah hendaklah memberi bantuan kebendaan kepada keluarga terdekat, iaitu kaum kerabat, orang miskin, dan musafir yang terkandas, Islam melarang keras pembaziran, jangan terlalu boros, dan jangan terlalu kedekut. Soalan (b) menghendaki calon memberikan lima cara untuk mengatasi tabiat membazir dan memupuk tabiat bersederhana. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberi ialah berjimat cermat, menjadikan Nabi Muhammad S.A.W. sebagai contoh teladan, berbelanja mengikut kemampuan, dan merancang perbelanjaan.



### **Soalan 5**

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan lima ciri individu yang layak diberi kepercayaan sebagai pemimpin ummah. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang dikehendaki ialah beriman, mendirikan solat, menunaikan zakat, adil, dan bertakwa. Soalan (b) menghendaki calon membincangkan kesan negatif jenayah murtad kepada masyarakat dan negara. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang dikehendaki ialah memecahbelahkan masyarakat Islam, merendahkan imej Islam dan imej negara, dan menjejaskan kestabilan negara.

## **BAHAGIAN B: Hadis Ahkam**

### **Soalan 6**

Soalan (a) berdasarkan hadis yang diberikan, calon dikehendaki menerangkan lima amalan yang dilarang oleh Rasulullah SAW. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang dikehendaki ialah memakai cincin emas, menggunakan bekas minuman dari perak, memakai sutera bagi lelaki, dan sebagainya. Soalan (b) menghendaki calon membincangkan suruhan dalam hadis yang dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

### **Soalan 7**

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan empat mesej yang ingin disampaikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang dikehendaki ialah orang yang beriman tidak akan melakukan dosa besar, orang yang beriman tidak akan berzina, tidak mencuri dan tidak minum arak serta iman akan bertambah jika meninggalkan maksiat dan berkurang jika melakukan maksiat. Soalan (b) menghendaki calon membincangkan peranan iman dalam kehidupan seorang Muslim. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah iman menjadi benteng diri daripada melakukan maksiat, iman menanam ketaatan kepada Allah, iman membuatkan seseorang itu sabar dalam ujian, dan sebagainya.

### **Soalan 8**

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan tindakan yang perlu dilakukan oleh seorang pemimpin masyarakat apabila berlaku sesuatu kematian. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah memberitahu orang ramai, memberi bantuan kewangan, membuat majlis tahlil, dan sebagainya. Jawapan yang dikehendaki ialah memeriksa tanggungan peninggalan si mati, seperti hutang, melaksanakan solat jenazah, dan membantu melupuskan tanggungan hutang si mati. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan tatacara berhutang menurut perspektif Islam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang dikehendaki ialah hutang wajib dibayar kembali, hutang hendaklah dicatat, dan urusan hutang perlu ada saksi.

### **Soalan 9**

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan dua hikmah jual beli dan tiga bentuk jual beli yang sah tetapi hukumnya haram. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang dikehendaki ialah untuk menyenangkan manusia bertukar harta dan meningkatkan ekonomi. Bagi jual beli yang sah tetapi hukumnya haram, seperti menjual sesuatu barang untuk tujuan maksiat, jual beli dengan cara mengatasi pembelian orang lain, menyorok barang, dan menjualnya apabila harga barang telah naik. Soalan (b) menghendaki calon membincangkan kesan negatif *bai' al-Gharar*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah pembeli akan tertipu, peniaga akan memperoleh sumber pendapatan haram, dan ekonomi akan mundur.

### **Soalan 10**

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan enam cara pelaksanaan hukuman jenayah terhadap orang yang meminum arak. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik, kerana jawapan calon lebih kepada sabitan hukum seperti ada pengakuan peminum arak itu sendiri dengan syarat yang cukup, disaksikan oleh dua orang saksi lelaki yang adil, dan dibuang daerah. Sepatutnya jawapan calon ialah hukuman jenayah arak ialah sebat, hukuman dilaksanakan di khalayak ramai, saiz alat sebat adalah sederhana, sebatan pada belakang bagi mengelak muka dan tempat sensitif, sebat dalam keadaan sedar, iaitu bukan dalam keadaan mabuk, tidak perlu membuka pakaian, dan sebatan sekali gus dan bukan berselang. Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan sebab Islam melarang minum arak dan melabelkannya sebagai jenayah. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.